

Tawaran kerjasama Pas bukan daripada saya - Anwar

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN dan
NURSYAHIDAH SAIDI
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tawaran kerjasama daripada kerajaan supaya Pas bersama-sama di dalam Kerajaan Perpaduan seperti yang didakwa beberapa pemimpin parti itu bukan daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, dakwaan itu tidak benar kerana tiada sesiapa daripada pimpinan kerajaan termasuk beliau sendiri mendekati dan memberi tawaran kepada Pas yang diketuai Tan Sri Abdul Hadi Awang.

Katanya, perkara itu di luar pengetahuannya, malah tidak pernah dibincang di peringkat pimpinan tertinggi kerajaan antara Pakatan Harapan (PH) atau Barisan Nasional (BN).

"Saya tidak dimaklumkan sama sekali. Saya tidak tahu siapa ketua ranting (ketua pimpinan) yang sampaikan... saya tidak tahu. Ia (tawaran) bukan daripada saya bukan juga daripada pimpinan kerajaan.

"Itu (tawaran) tanya dialah (Pas), mungkin daripada ketua ranting (pimpinan) kah saya tidak tahu, tapi tidak pernah sampai dan tidak pernah dibincang di peringkat pimpinan yang saya tanya dalam PH atau



ANWAR Ibrahim melihat bulu cenderamata dalam Majlis Perasmian Seminar Fikrah Siddiq Fadzil di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FAUZIBAHARUDIN

BN," katanya selepas merasmikan Seminar Fikrah Siddiq Fadzil "Citra Budaya dan Peradaban Bangsa Malaysia", di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar enggan menjawab soalan jika beliau mengakui kerusi-kerusi orang Melayu dan Islam dalam kerajaan kurang, sehingga mendorong kerajaan menawarkan Pas bekerjasama demi menambah bilangan kerusi Melayu dan Islam di Dewan Rakyat.

"Tidak payahlah, you (anda) daripada mana?" Soalnya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Anwar berkata demikian mengulas dakwaan Abdul Hadi pada Ahad lalu yang mendedahkan beliau pernah dihubungi beberapa kali daripada 'orang tertentu' yang menawarkan kerjasama dalam Kerajaan Perpaduan.

Timbalan Pengerusi PN itu bagaimanapun mempersoal tawaran itu dengan berkata, ia sepatutnya memberi kelebihan kepada Pas sendiri kerana parti itu mempunyai kerusi Parli-

men lebih banyak daripada parti lain.

"Ada orang hubungi saya... beberapa orang acap kali nak berjumpa dengan tawaran untuk menyertai kerajaan. Pas ada 43 kerusi...PKR 30 sahaja. Dalam keadaan 30 kerusi ini, sembilan kerusi adalah bukan Melayu, 19 sahaja Islam.

"Dalam keadaan PKR, DAP pula, tiga Melayu dari 40 kerusi, 37 kerusi bukan Melayu. Kalau campur gabungan itu, kerajaan akan didominasi oleh orang Islam," kata Abdul Hadi nya seperti dilapor.